

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan bersasar buat lepasan SPM dari keluarga miskin luar bandar di Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi dalam jurusan minyak dan gas menerusi biasiswa tajaan Petronas dan syarikat-syarikat terkemuka yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT menawarkan dua bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan, iaitu biasiswa dan bantuan kewangan. Kedua-dua pembiayaan ini diberikan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, negeri, taraf hidup dan lokaliti.

SOALAN NO: 55

Tumpuan utama pembiayaan KPT adalah kepada pembiayaan pengajian di peringkat pasca siswazah. Kumpulan sasaran yang terlibat merangkumi tenaga pengajar di universiti awam (UA), politeknik dan kolej komuniti serta pegawai bukan akademik di UA. Pembiayaan dalam bentuk biasiswa kepada orang awam untuk mengikuti program di peringkat sarjana muda pula adalah terhadap kepada program MyBrainScience yang dikhaskan kepada pelajar sains tulen. KPT turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar lepasan SPM untuk mengikuti pengajian di peringkat asasi melalui Program Bantuan Kewangan Asasi, manakala di peringkat sijil melalui Program Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.

Pembiayaan pendidikan tinggi bagi lepasan SPM dalam pelbagai bidang turut disediakan oleh pelbagai organisasi termasuklah Jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan-Yayasan Negeri dan syarikat-syarikat terkemuka seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional. Namun begitu, sasaran penajaan dan bidang pengajian yang ditawarkan adalah bergantung kepada hala tuju dan keperluan masa hadapan agensi atau syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.